

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 03.02.2026 MASA: 6.00PTG

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN
YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

SEMPENA
***RETREAT* AHLI MAJLIS MBSP TAHUN 2026**

TARIKH / MASA / TEMPAT
9 FEBRUARI 2026 (ISNIN)
8.00 PAGI

HOLIDAY INN & SUITES PENANG PERAI
SEBERANG PERAI TENGAH

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati barisan WHIP Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Dihormati barisan Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Urusetia Program

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia MADANI,

1. ***Alhamdulillah***, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita dapat berhimpun pada pagi yang penuh makna ini sempena ***Retreat Ahli Majlis MBSP Tahun 2026***; sebuah wadah penting untuk menyatukan pemikiran, memperteguh kefahaman dan menyelaraskan tindakan kita sebagai peneraju tadbir urus tempatan.
2. Saya merakamkan **penghargaan setulusnya** kepada semua Ahli Majlis, Tuan Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan serta seluruh warga MBSP yang hadir dan komited menjayakan retreat ini. Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan mencerminkan kesungguhan kita untuk membawa MBSP ke tahap kecemerlangan yang lebih tinggi.

Tuan-tuan dan puan-puan,

3. ***Retreat*** ini **bukan sekadar sesi taklimat**, tetapi medan strategik untuk Ahli Majlis memahami dengan lebih mendalam **peranan, tanggungjawab dan amanah besar** yang dipikul sama ada berkaitan peruntukan dan kemudahan, undang-undang, pembangunan CLQ, sistem Marris, penguatkuasaan mahupun pelaksanaan Akta 672.

Kesemua topik ini adalah nadi kepada keberkesanan penyampaian perkhidmatan bandar.

4. Saya ingin menegaskan bahawa **Ahli Majlis adalah wajah dan suara MBSP di mata rakyat**. Peranan tuan-tuan dan puan-puan sebagai penghubung antara pihak berkuasa tempatan dan komuniti mestilah dilaksanakan dengan **ketelusan, integriti dan kebijaksanaan**, selaras dengan kehendak **Seksyen 10(1) Akta Kerajaan Tempatan 1976** serta aspirasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang.
5. Harapan saya amat jelas; **tahun 2026 mesti menjadi tahun pemerkasaan tadbir urus tempatan MBSP**. Kita perlu bergerak sebagai satu pasukan, dengan kefahaman yang sama, bahasa yang sama dan hala tuju yang seiring demi kesejahteraan warga Seberang Perai, termasuk menjayakan inisiatif **Age Friendly City** yang bersifat inklusif dan berteraskan kemanusiaan.
6. Justeru, saya berharap *retreat* ini dapat membuka ruang dialog yang sihat, memperkukuh kerjasama antara Ahli Majlis dan jabatan, serta melahirkan keputusan yang bukan sahaja **betul dari sudut prosedur**, tetapi **bijaksana dari sudut kemanusiaan**.
7. Akhir kata, marilah kita jadikan *retreat* ini sebagai **titik mula kepada kepimpinan yang lebih berani, lebih berwawasan dan lebih dekat dengan rakyat**. Kerana bandar yang hebat bukan hanya dibina dengan bangunan, tetapi dengan **nilai, integriti dan kebersamaan**.

8. Dengan lafaz ***Bismillahir Rahmanir Rahim***, saya dengan sukacitanya merasmikan ***Retreat Ahli Majlis MBSP Tahun 2026***.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.